

BAHAGIAN A

1. Sistem pemerintahan beraja diamalkan di negara kita. Sultan dibantu oleh golongan pembesar .

Apakah bidang tugas pembesar jajahan dan daerah?

- A Mengetuai pentadbiran
- B Mengetuai peperangan
- C Membantu mengekalkan kedaulatan negeri
- D Menyampaikan arahan kepada orang kampung

2. Rajah berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan di Sabah

Sistem Pemerintahan di Sabah		
Sistem Kesukuan	Sistem X	Sistem Kesultanan

Apakah Sistem X ?

- A Ketua Adat
 - B Ketua Bebas
 - C Ketua Puak
 - D Ketua Kerajaan
3. Maklumat berikut merupakan cerita rakyat.

Si Tanggang Anak Derhaka

Apakah yang cuba disampaikan melalui cerita tersebut?

- A Memberikan nasihat kepada seseorang supaya tidak bersikap tamak
- B Memberikan nasihat kepada seseorang supaya tidak bersikap boros
- C Memberikan nasihat kepada rakyat supaya tidak menderhaka kepada raja
- D Memberikan nasihat kepada anak supaya tidak menderhaka kepada ibu bapa

4. Maklumat berikut berkaitan dengan timbangan di negeri-negeri Melayu.

12 saga = 1 mayam 16 mayam = 1 bungkal 12 bungkal = 1 kati
--

Timbangan tersebut digunakan untuk menimbang

- A Perak
 - B Bijih timah
 - C Sarang burung
 - D Rempah ratus
5. Siapakah yang terlibat secara langsung dalam pemilihan dan pelantikan Buapak dalam hierarki sistem pemerintahan di Negeri Sembilan ?
- A Lembaga
 - B Undang
 - C Ibu Soko
 - D Anak buah
6. Apakah jenis bahan mentah yang sangat diperlukan oleh negara-negara Barat pada abad ke-19 dan ke-20 ?
- I. Bijih timah
 - II. Perak
 - III. Emas
 - IV. Getah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

7. Pernyataan berikut merujuk kepada kedatangan kuasa Barat ke Alam Melayu pada abad ke-16 dan ke-17

Kedatangan Kuasa Barat abad ke-16 dan ke-17

Agama Kristian

X

Pelabuhan persinggahan

Pusat pengumpulan barangan

Apakah X ?

- A Penciptaan kapal wap
 - B Ciptaan telegraf
 - C Revolusi perindustrian
 - D Barangan mewah
8. Apakah persamaan negara-negara Eropah berikut pada abad ke-16?

Spanyol
Portugal

- A Melaksanakan Revolusi Perindustrian
 - B Menyebarkan tamadun mereka ke Timur
 - C Menekankan usaha penyebaran agama Kristian
 - D Momodenkan sistem pentadbiran
9. Maklumat berikut tentang kedatangan kuasa Barat ke Alam Melayu pada abad ke-17 dan ke-18

X

Barangan dikeluarkan secara besar-besaran

Memerlukan kawasan pasaran yang lebih luas

Apakah X?

- A Revolusi perindustrian
- B Penciptaan telegraf
- C Pembukaan Terusan Suez
- D Penciptaan kapal wap

10. Mengapakah selepas tahun 1840, permintaan untuk bijih timah dari negeri-negeri Melayu bertambah pesat?

- A Perkembangan perindustrian getah
- B Perkembangan Industri mengetin
- C Perkembangan Industri pembuatan senjata
- D Perkembangan industri membuat barangan elektrik

11. Mengapakah Perancis ingin meluaskan kuasanya ke IndoChina ?

- A Merancang membina Terusan di Segenting Kra
- B Pangkalan tentera
- C Pusat pengumpulan barangan
- D Pelabuhan persinggahan

12. Kuasa Barat cuba mendapat tanah jajahan menjelang abad ke-19 dan ke-20. Pilih pasangan yang tepat.

	Kuasa	Kawasan Alam Melayu
A	Jerman	Pulau Langkawi
B	Portugis	Terengganu
C	Amerika Syarikat	Timor Leste
D	Spanyol	Kepulauan Hindia Timur

13. Mengapakah kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba meluaskan kuasa ke Alam Melayu?

- A Memajukan pentadbiran
- B Membangunkan prasarana
- C Meningkatkan taraf hidup
- D Kepentingan ekonomi

14. Apakah strategi yang digunakan oleh Francis Light untuk mendapatkan Pulau Pinang?

- A Pakatan
- B Pajakan
- C Tipu helah
- D Ugutan

15. Berikut ialah strategi yang digunakan oleh Belanda untuk meluaskan kuasa di negara kita KECUALI

- A Serangan fizikal
- B Pakatan
- C Perjanjian
- D Pajakan

16. Pernyataan berikut berkaitan dengan strategi yang digunakan oleh kuasa British untuk meluaskan kuasa di negara kita.

Strategi X	Tindakan mengatur sesuatu dengan cara bijaksana, mengambil kesempatan atas sesuatu perkara, sehingga dapat mencapai tujuan yang dikehendaki
-------------------	---

Apakah strategi X ?

- A Tipu helah
- B Pakatan
- C Perjanjian
- D Manipulasi

17. British mengambil kesempatan dalam peristiwa tentang isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau untuk menguasai Singapura.

Apakah strategi yang digunakan oleh British ?

- A Manipulasi
- B Pajakan
- C Perjanjian
- D Serangan fizikal

18. Sebagai generasi muda patriotik, apakah nilai yang perlu diamalkan pada masa kini?

- A Berdikari dalam pelbagai bidang
- B Semangat patriotisme berasaskan kaum
- C Mengamalkan nilai-nilai individualisme
- D Bekerja keras dan berusaha untuk mengharumkan negara

19. Maklumat di bawah berkaitan dengan kuasa British menggunakan strategi ugutan atau desakan untuk menguasai negara kita

Strategi	Peristiwa
Ugutan atau Desakan	Sultan Pahang menerima Residen Sultan Selangor menerima Residen X

Apakah peristiwa X ?

- A British meluaskan pengaruhnya ke atas Sabah
 - B James Brooke diiktiraf sebagai Raja Sarawak yang merdeka
 - C British menyerang Naning pada tahun 1832
 - D British mendapatkan Singapura
20. Bagaimanakah cara kita dapat mempertahankan kedaulatan negara kita daripada ancaman kuasa asing ?
- A Meningkatkan populasi penduduk
 - B Memutuskan hubungan diplomatik dengan kuasa asing
 - C Memulau barangan yang dihasilkan oleh kuasa asing
 - D Melahirkan generasi muda yang bersemangat patriotisme